

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	28 AUGUST 2016

# Penyesalan buka pekung di dada: Ahmad Shabery

BH-28/8/2016

**Pasir Puteh:** Tun Dr Mahathir Mohamad patut menyalahkan diri sendiri berhubung tindakan beliau membuat pindaan terhadap perkara yang membabitkan kuasa Yang di-Pertuan Agong dalam Perlembagaan Persekutuan.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata penyesalan bekas Perdana Menteri kerana melakukan pindaan itu kini jelas membuka pekung sendiri.

“Pada saya, Dr Mahathir patut salahkan diri sendiri. Saya berpendapat untuk undur semula atau berpatah balik apa yang dibuat agak susah.

### **Kepentingan sendiri**

“Ia nampak seperti membuka pekung di dada bahawa tujuan pindaan itu dibuat hanya untuk kepentingan sendiri ketika itu,” katanya kepada pemberita selepas Mesyuarat UMNO

Bahagian Pasir Puteh di Kompleks UMNO Uthmaniyah, Pulau Lima, di sini, semalam.

Ahmad Shabery berkata, sikap Dr Mahathir itu juga memberi imej buruk kepada rakyat dan tanggapan beliau seorang berwawasan dan berpandangan jauh adalah meleset.

“Apa yang dilakukannya ternyata kerana kepentingan peribadi dan jangka pendek ketika menangani situasi masa itu,” katanya.